



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERTHORMAT DATO SRI ALEXANDER
NANTA LINGGI**

MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

**MAJLIS PRA-PELANCARAN (SOFT LAUNCH)
SAMBUTAN HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA
TAHUN 2023 (HPTN 2023)**

18 OKTOBER 2023 (RABU)

**DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID, BLOK A
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

PENDAHULUAN

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

1. Pertama sekali, saya amat berbesar hati kerana dapat kita bersama-sama bersua muka sempena majlis “Pra-Pelancaran Hari Profesion Teknikal Negara 2023”. Untuk makluman, tema sambutan Hari Profesion Teknikal Negara pada tahun ini adalah “**Profesion Teknikal Pemacu Pembangunan Malaysia MADANI**”, selaras dengan aspirasi negara dalam membentuk sebuah negara Madani. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua rakan-rakan strategik yang hadir, para pempamer yang mengambil bahagian dan rakan-rakan media yang sudi hadir untuk membuat liputan.
2. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada Jawatankuasa Penganjur Hari Profesion Teknikal Negara HPTN 2023 atas usaha dan jalinan kerjasama strategik bersama pelbagai Kementerian, Jabatan Kerajaan, Pertubuhan Profesional Teknikal, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA & IPTS), serta pelbagai organisasi luar bagi memastikan kejayaan sambutan HPTN 2023. Di sinilah platform untuk kita menzahirkan penghargaan terhadap jasa para profesional teknikal atas sumbangan mereka di dalam bidang masing-masing. Jasa dan bakti para profesion teknikal adalah besar nilainya di dalam kemajuan infrastruktur, pembangunan dan pemodenan negara yang kita cintai ini.
3. Dalam usaha kita beradaptasi dengan teknologi dalam industri pembinaan infrastruktur negara, saya berharap HPTN akan terus menjadi pemacu bukan sahaja dalam mengiktiraf profesion teknikal, malah menjadi ‘catalyst’ dalam memperjuangkan pembukaan lebih banyak peluang profesion teknikal di dalam negara.
4. Saya tidak mahu HPTN hanya sekadar sambutan, malah lebih dari itu, biarlah platform ini menjadi medan penggerak merealisasikan perkhidmatan profesion teknikal berprestasi tinggi melalui pimpinan yang berpandangan jauh, berinovasi, pakar dan

berani menyahut cabaran dalam arus teknologi moden yang pesat membangun. Semua ini haruslah berpandukan kepada integriti, ketelusan dan akauntabiliti yang tinggi.

5. Negara kita tidak ketandusan bakat. Kita ada nama-nama besar dalam profesion teknikal yang telah mencipta nama di peringkat dunia seperti Fakhirah Khairuddin, Jurutera Mekanikal TESLA Inc Amerika Syarikat dan Mohammad Ruhaidi Abdul Rashid, Jurutera Struktur, Pakar Rekabentuk dan Pengurus Kanan Teknikal di BMW Motorsport Jerman.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Untuk makluman semua, pada tahun ini KKR mempunyai enam (6) kategori Rakan Strategik yang membolehkan lebih banyak penyertaan di dalam HPTN ini. Enam kategori ini adalah Rakan Penaja, Rakan Penganjur, Rakan Promosi, Rakan Pempamer, Rakan Kementerian dan Rakan Penyumbang Penceramah dan Peserta Program. Segala kerjasama dalam membantu dan memberi sokongan dalam merealisasikan sambutan HPTN merupakan satu penghargaan ke arah kita bersama-sama mencapai aspirasi Malaysia MADANI.
7. Kementerian Kerja Raya (KKR) juga amat menghargai kerjasama dan kesudian rakan strategik yang sentiasa memberi sokongan terhadap penganjuran acara tahunan ini dengan menyertai beberapa Jawatankuasa Kerja bagi merealisasikan sambutan pada bulan Disember nanti.
8. Besar harapan saya agar semua yang hadir pada hari ini dapat bersama-sama KKR dan agensinya untuk mempromosikan sambutan HPTN 2023. Promosi ini boleh dilaksanakan dalam pelbagai platform, sama ada menerusi hebahan di peringkat organisasi masing-masing, mesyuarat, e-mel rasmi dan juga menerusi media sosial.
9. Oleh itu, melalui program seumpama ini, saya yakin ianya dapat mengukuhkan lagi jaringan kerjasama antara agensi, berkongsi ilmu, pengalaman, menyuarakan pandangan dan memberi idea berkaitan profesion ini. Pada masa sama, saya pasti

HPTN adalah platform yang terbaik dan paling sesuai digunakan untuk menyebarkan maklumat di samping memupuk minat golongan muda untuk menceburi bidang teknikal.

HPTN 2023

10. Untuk perkongsian bersama, sambutan Hari Profesion Teknikal Negara Tahun 2023 akan berlangsung selama dua hari iaitu pada 4 Disember hingga 5 Disember 2023 bertempat di Dewan Damar Sari, Blok F8, Kompleks F, Putrajaya. Lebih membanggakan, sambutan berskala besar ini bakal disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.
11. Pelbagai aktiviti telah disusun dan dirancang sepanjang program berlangsungnya Hari Profesion Teknikal Negara. Antaranya ialah webinar, Program CSR, *BIM day*, *Car Free Day*, reruai pameran, anugerah tokoh teknikal dan pameran kerjaya serta pelbagai aktiviti lain yang akan diumumkan dan dipromosikan di laman web sehingga ke hari kemuncak HPTN pada Disember nanti.
12. Selain itu, saya difahamkan sebanyak 44 pempamer akan menyertai sambutan HPTN pada tahun ini yang meliputi :
 - Enam (6) pempamer PLATINUM;
 - Sembilan (9) GOLD;
 - 23 SILVER; dan
 - Enam (6) BRONZE

Semoga melalui pameran ini, sambutan HPTN akan lebih meriah dan bermanfaat selain mencapai objektifnya untuk menyebarkan informasi serta memberi kefahaman dengan lebih jelas berkaitan bidang teknikal di negara ini. Orang awam boleh meninjau ruang pameran yang bakal disediakan pada acara kemuncak HPTN 2023 dan sama-sama memeriahkan lagi satu-satunya sambutan profesion yang mengangkat profesion

teknikal di Malaysia.

13. Pengisian lain yang turut diadakan sempena HPTN 2023 adalah *HPTN Run*, program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta pelbagai acara lain yang menawarkan hadiah menarik untuk dimenangi.
14. Untuk maklumat lanjut mengenai sambutan HPTN 2023, orang ramai boleh melayari dan mendaftarkan diri di laman sesawang rasmi iaitu <https://hptn-my.com/>.

PENUTUP

15. Semoga dengan adanya penyertaan dan kolaborasi daripada pelbagai pihak termasuk di peringkat kementerian, agensi-agensi kerajaan, badan-badan swasta, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS), sambutan HPTN 2023 dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sekali lagi, saya ingin memohon kerjasama dan bantuan rakan-rakan media agar dapat membantu Kementerian Kerja Raya dalam mempromosikan dan membuat liputan yang terbaik mengenai sambutan HPTN 2023.
16. Akhir kata, semoga sambutan Hari Profesion Teknikal Negara ini dapat diteruskan sambutannya pada setiap tahun sebagai tanda penghargaan atas sumbangan yang dicurahkan oleh warga profesion teknikal dalam agenda pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.